

## KETAHANAN DIRI DALAM MEMPENGARUHI ASPEK KECICIRAN PELAJAR INDIA DI DAERAH KUALA MUDA, KEDAH: SATU KAJIAN KES

***SELF-RESILIENCE THAT INFLUENCES THE DROPOUT AMONG  
INDIAN STUDENTS IN THE DISTRICT OF KUALA MUDA, KEDAH: A  
CASE STUDY***

**TH.Subra<sup>1</sup>**

Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG),  
Pusat Pengajian Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia.  
(Email: thsubra@ymail.com )

**Mohamad Ainuddin Iskandar Lee Abdullah<sup>2</sup>**

Prof Madya Pusat Pengajian Undang-Undang, Kerajaan dan Pusat Pengajian Antarabangsa,  
Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia.  
(Email: ainuddin@uum.edu.my)

**Kala Devi<sup>3</sup>**

Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG),  
Pusat Pengajian Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia.  
(Email: a.kaladevi@yahoo.com )

**Received date:** 03-09-2019

**Revised date:** 15-10-2019

**Accepted date:** 11-11-2019

**Published date:** 15-12-2019

**To cite this document:** Subra, TH., Abdullah, M. A. I. L., & Devi, K. (2019). Ketahanan Diri dalam Mempengaruhi Aspek Keciciran Pelajar India di Daerah Kuala Muda, Kedah: Satu Kajian Kes. *International Journal of Modern Education*, 1(3), 10-23.

**DOI:** 10.35631/ijmoe.13002

**Abstrak:** Pelajar-pelajar India masih ketinggalan dalam pendidikan berbanding dengan kaum-kaum lain. Terdapat pelbagai faktor yang dikenal pasti menjadi penyebab kepada keciciran pelajar-pelajar India sekolah menengah. Antaranya ialah masalah kekurangan ketahanan diri menyebabkan pelajar tidak dapat mengharungi cabaran hidup dan berhenti sekolah. Kajian ini bertujuan untuk meneliti pengaruh ketahanan diri dalam kalangan pelajar-pelajar India tercincir di daerah Kuala Muda. Objektif kajian mengenal pasti pola dan ciri-ciri ketahanan, sejauh mana

<sup>1</sup> Calon PhD Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG), Pusat Pengajian Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah

<sup>2</sup> Prof Madya Pusat Pengajian Undang-undang, Kerajaan dan Pusat Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah

<sup>3</sup>Calon PhD Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG), Pusat Pengajian Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah

aspek ketahanan diri pelajar membawa kesan kepada keciciran pelajar India dan strategi-strategi untuk memperkasa ketahanan diri pelajar. Penyelidik menggunakan dimensi-dimensi ketahanan diri dalam Model Ketahanan Masten & Reed. Skop kajian bertumpu kepada pelajar-pelajar India di Daerah Kuala Muda dan sampel kajian terbatas kepada lima orang responden sahaja kerana kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah temu bual. Responden akan ditemubual lebih dari satu kali jika perlu bagi menyelami sifat ketahanan diri responden dengan jelas. Penyelidikan ini menggunakan kaedah temu bual dengan pelajar dan pemerhatian. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar-pelajar India kurang mempunyai ketahanan diri untuk mengharungi pelbagai cabaran hidup ketika alam persekolahan dan menyebabkan mereka berhenti sekolah. Walau bagaimanapun, peredaran masa telah membawa kemajangan fikiran dan mereka masih menaruh harapan serta kepercayaan pada diri untuk memperbaiki kehidupan walaupun hidup dalam kesusahan dan serba kekurangan. Beberapa cadangan juga telah dikemukakan untuk meningkatkan ketahanan diri pelajar-pelajar India.

**Kata Kunci:** Keciciran Pelajar, Ketahanan Diri, Risiko Akademik

*Abstract: Indian students in Malaysia are left behind in terms of education compared to other races. There are several reasons that have been identified as contributing factors to the dropout of Indian students particularly in the secondary schools. Among them is the problem of lack of self-resilience that causes students to overcome the challenges of life and drop out of school. This study aims to examine the influence of self-esteem among Indian students in dropout in Kuala Muda district. The objectives of the study were to identify patterns and characteristics of resilience, to what extent are aspects of student self-resilience influencing dropout and to identify strategies for enhancing student self-esteem. The researcher applies dimensions of self-resilience as in the Masten & Reed Resilience Model. The scope of the study was focused on Indian students in Kuala Muda District and the study sample was limited to five respondents only as this study applied a qualitative study using the interview method. Respondents will be interviewed more than once if it is necessary to clearly identify the nature of the respondents' self-resilience. This research uses student interviewing and observation methods. The study found that Indian students lack the self-confidence to cope with various school life challenges that influences them to drop out of school. However, as time moves on, the state of their mind enters into a moment of maturity that emphasizes that they still have the hope and confidence in themselves to improve their lives despite their difficulties and shortcomings. Some suggestions have also been put forward to enhance the resilience of Indian students.*

**Keywords:** Student Dropout, Self-Resilience, Academic Risk.

---

## Pengenalan

Pendidikan adalah keperluan asas untuk pembangunan manusia. Dengan adanya pendidikan, peluang pekerjaan dapat diperluaskan dan tahap pendapatan dapat dipertingkatkan. Pembangunan seseorang individu dan kemajuan sesebuah negara bergantung kepada pendidikan. Ia juga merupakan instrumen utama dalam membentuk pelajar dengan nilai-nilai budaya. Ia adalah daya terkuat bagi pembangunan dan perkembangan pelajar dalam mempersiapkan diri untuk menjadi warganegara yang bertanggungjawab, cerdas dan berkemampuan. Pendidikan juga amat penting untuk meningkatkan status dan autonomi kekeluargaan. Ia menyumbang kepada peningkatan keyakinan dan kuasa membuat keputusan dalam rumah tangga (Marimuthu, T. (1975); Gunasekaran, 2003; Zakiyah, 2011).

Pada tahun 2015, kerajaan telah mengemuka Laporan Kajian Semula Pendidikan untuk Semua Malaysia di Forum Pendidikan Sedunia di Incheon, Korea Selatan. Sejak penubuhan Malaysia lagi, kerajaan Malaysia telah menitikberatkan peluang pendidikan untuk semua dan pelbagai garis panduan serta matlamat pendidikan telah dikemukakan untuk merapatkan jurang pendidikan di antara semua lapisan masyarakat di Malaysia. Tindakan kerajaan memastikan semua kanak-kanak dapat mengakses dan menyelesaikan pendidikan rendah tanpa mengira jantina, etnik, latar belakang sosioekonomi, lokasi dan kebolehan dipandu oleh Ahli Parlimen. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2001-2010 serta Rangka Tindakan Pendidikan, menyatakan bahawa "setiap kanak-kanak di Malaysia berhak mendapat pendidikan yang sama." Selaras dengan wawasan menjadi negara maju menjelang 2020, kerajaan Malaysia telah mengambil beberapa langkah dan terus berusaha untuk mengubah sistem bagi memastikan pendidikan berkualiti tinggi boleh diakses dan mampu untuk semua orang. Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) telah dipinda di bawah Peraturan Pendidikan (Pendidikan Wajib) 2002, yang berkuatkuasa pada tahun 2003, untuk menjadikan pendidikan rendah wajib.

Sejak tahun 2012, kerajaan telah mengambil dasar pendidikan percuma, terutamanya kepada kumpulan sasaran yang secara umumnya dibahagikan kepada tiga kategori pendapatan iaitu B40, M40 dan T20. Kumpulan sasaran yang diberi perhatian adalah dari kumpulan B40 iaitu kumpulan berpendapatan keluarga bawah RM2629 sebulan. Mereka terdiri daripada kanak-kanak dari keluarga miskin di bandar luar bandar dan pinggir bandar/estet, kanak-kanak yang hidup di kawasan terpencil, kanak-kanak yang memerlukan keperluan pendidikan khas, orang asli dan kanak-kanak yang tidak berdokumen, kanak-kanak yang tinggal di ladang-ladang serta pelarian. Kerajaan telah membuat setakat yang mampu untuk memberikan pendidikan yang berkualiti dan percuma kepada semua lapisan masyarakat dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif (Malaysia 2015)

### **Permasalahan Kajian**

Kecemerlangan pendidikan pelajar-pelajar India perlu diberi perhatian yang serius dalam usaha membangunkan masyarakat India agar tidak ketinggalan berbanding dengan kaum lain di Malaysia. Masyarakat India di negara kita merupakan golongan yang ketiga besar selepas masyarakat Melayu dan Cina. Walaupun statistik kaum India yang ada di negara ini tidak begitu besar namun pihak kerajaan perlu memandang serius untuk meningkatkan taraf hidup mereka ke tahap yang lebih baik. Pihak kerajaan telah merangka pelbagai program pendidikan untuk mengubah status sosial mereka ke tahap yang lebih baik namun pelajar-pelajar India masih ketinggalan belakang dari aspek pendidikan dan kadar keciciran kaum India adalah tinggi berbanding dengan kaum lain (Malaysian Indian Blueprint, 2017).

Apa yang membimbangkan ialah tahap keyakinan dan kesungguhan terhadap pelajaran serta pencapaian akademik kaum India masih kurang memuaskan dan sering berkesudahan dengan keciciran sekolah berbanding dengan kaum lain. Hal ini berpunca daripada kegagalan dalam kefungsian keluarga, taraf sosioekonomi yang kurang menggalakkan, daya tahan dan motivasi pelajar yang rendah (Kementerian Belia dan Sukan, 2015). Keseriusan isu keciciran dalam kalangan pelajar India perlu diatasi dengan memberi perhatian pada faktor-faktor individu dan persekitaran yang dapat meningkatkan ketahanan diri pelajar (Jamie, 2011; Rozmi, 2015).

Seiring untuk mewujudkan pelajar yang berdaya tahan, aspek-aspek seperti fizikal, mental, sosial dan spiritual perlu diberi keutamaan bagi menghasilkan pelajar-pelajar yang berkualiti dari aspek daya tahan. Sifat ketahanan diri pelajar yang unggul dan dinamik membolehkan mereka mengharungi pelbagai halangan dalam dunia yang mencabar ini. Oleh itu penyelidikan ini adalah perlu untuk mengkaji aspek ketahanan pelajar-pelajar India, melihat bentuk-bentuk

halangan yang mempengaruhi ketahanan diri mereka sehingga membawa kepada keciran sekolah dan akhir sekali strategi-strategi untuk memperkasa ketahanan diri supaya mereka mampu bersaing dalam pendidikan seiring dengan kaum lain. Sekiranya aspek ketahanan diri pelajar tidak diberi perhatian ia akan mendorong pelajar terjebak kepada pelbagai masalah lain sehingga menyebabkan mereka tercicir sekolah (Jamie, 2011; Zainah et al., 2013).

### **Objektif Kajian**

- i. Mengenal pasti pola dan ciri-ciri ketahanan diri pelajar India tercicir sekolah.
- ii. Mengenal pasti sejauh manakah faktor ketahanan diri mempengaruhi aspek keciran pelajar India di Daerah Kuala Muda.
- iii. Mengenal pasti langkah-langkah untuk memperkasa ketahanan diri pelajar India di Daerah Kuala Muda

### **Persoalan Kajian**

- i) Apakah pola dan ciri-ciri ketahanan diri pelajar India tercicir sekolah?
- ii) Bagaimana faktor ketahanan diri mempengaruhi aspek keciran pelajar India di Daerah Kuala Muda?
- iii) Apakah strategi-strategi untuk memperkasa Ketahanan Diri Pelajar India di Daerah Kuala Muda

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan secara menyeluruh ciri-ciri ketahanan diri pelajar India dan bagaimana ciri-ciri ini mempengaruhi aspek keciran pelajar India di Malaysia. Memandangkan hampir tiada penyelidikan yang dijalankan tentang tahap ketahanan diri pelajar tercicir maka penyelidikan ini dilakukan untuk meneliti sejauh mana tahap ketahanan diri pelajar tercicir. Seterusnya dapatan kajian ini juga dapat membantu institusi keluarga, pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk merancang, melaksana dan membuat penambahbaikan program-program yang dapat membantu memperkasa tahap ketahanan diri dalam kalangan pelajar dan seterusnya mengatasi masalah keciran pelajar.

### **Sorotan Karya**

Menurut kajian yang dijalankan oleh Suriya Kumar (2012) terhadap pelajar India di Cameron Highland, Pahang mendapat terdapat lima faktor utama yang dikenal pasti menyebabkan masalah keciran pelajar seperti taraf sosio-ekonomi keluarga, keberuntungan seseorang, motivasi diri, faktor guru, sekolah dan rakan sebaya serta faktor pelajar itu sendiri. Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, didapati latar belakang kehidupan keluarga memberi kesan yang amat besar dalam penerimaan pendidikan dalam kalangan kaum India di Cameron Highland. Tahap pendidikan ibu bapa serta pendapatan keluarga mempengaruhi proses pembelajaran anak-anak mereka. Hal ini kerana keluarga miskin tidak mampu menyediakan rumah yang selesa untuk sesi keluarga menyebabkan suasana tidak kondusif untuk anak-anak belajar. Situasi tempat tinggal yang kurang selesa menyebabkan pelajar kurang berkeyakinan untuk belajar dan seterusnya mempengaruhi ketahanan diri pelajar yang lemah daripada meneruskan persekolahan.

Manakala menurut Azlina e.t(2010) murid yang mempunyai ketahanan diri akademik biasanya mampu menyesuaikan diri dengan keadaan hidup yang berisiko. Walaupun mereka berada dalam suasana yang tertekan dan mencabar namun perkembangan hidup positif membuatkan murid untuk tidak tercicir dari persekolahan dan masih bermotivasi untuk belajar.

Kajian Simon Cox (BBC News 24 Ogos 2011) menjelaskan keciciran pendidikan adalah disebabkan oleh masalah kurang ketahanan diri, keyakinan diri, hilang motivasi diri, tahap kesihatan yang rendah kerana terlibat dengan merokok, mengambil dadah, tekanan jiwa, dan masalah mental. Beliau juga menjelaskan golongan belia yang tercicir dalam pendidikan ini adalah 20 kali lebih cenderung untuk terlibat dalam jenayah dan 22 kali lebih cenderung untuk terlibat dalam seks bebas serta mengandung anak di luar nikah.

Seterusnya menurut Kamarul Azman (2016), kepimpinan remaja merujuk kepada pembangunan diri yang dimiliki oleh seseorang individu dengan melonjakkan potensi masing-masing agar dapat mencapai impian atau cita-citanya. Justeru kepada kepimpinan remaja, GPMS ditubuhkan bagi memastikan kepimpinan yang dimiliki oleh mereka tidak dipersiahan. Ada sesetengah remaja tidak sedar tentang kelebihan yang ada pada mereka kerana memiliki tahap keyakinan diri yang rendah, kurang dorongan dan kesedaran dalam membangunkan potensi masing-masing.

Remaja yang berisiko merupakan yang mudah terpengaruh dengan faktor risiko dalam persekitarannya. Terdapat beberapa ahli psikologi menggunakan perkataan berisiko bagi menunjukkan seseorang itu mengalami kesengsaraan dan kepayahan dalam emosi bagi menyesuaikan diri dengan tingkah laku. Bagi para pendidik pula mereka menggunakan perkataan berisiko merujuk kepada anak muda yang mudah keciciran sekolah dan juga belia yang tidak mendalami ilmu tentang kemahiran hidup selepas di bangku persekolahan. Kadang kala ia juga merujuk kepada tahap penguasaan ilmu pendidikan semasa berada di sekolah dan boleh mempengaruhi masa hadapan mereka untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang baik (McWhirter, 2004 dan Habibah Elias *et. al.*, 2008).

Kajian Glowgow (1996) pula menyatakan masalah ponteng sekolah pelajar berkait rapat dengan keadaan rumah tangga keluarga yang kucar-kacir. Beliau berpendapat pelajar-pelajar yang ponteng sekolah datang dari keluarga yang kurang berdisiplin dan mempunyai adik beradik yang terlibat sama dengan masalah ponteng. Keadaan persekitaran dan latar belakang keluarga yang kucar kacir mempengaruhi seseorang sebagai tempat perbuatan jenayah. Keadaan persekitaran yang kurang kondusif, kekurangan infrastruktur dan sesak dengan penduduk mendorong kepada perbuatan mengedar dadah, tempat-tempat hiburan terbuka serta pelacuran boleh mempengaruhi pelajar sehingga ponteng dan melakukan perbuatan yang kurang sihat Rosly Abas (2014) & Zakiyah, (2011).

Kajian Useem (1992) pula menjelaskan keluarga yang mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza berkait rapat dengan tahap penglibatan mereka dalam proses pendidikan anak. Penglibatan yang kurang dalam kalangan ibu bapa yang berpendidikan rendah dalam aktiviti pendidikan sekolah adalah disebabkan oleh perasaan kurang yakin atau rendah diri yang tinggi terhadap interaksi di antara ibu bapa dengan sekolah. Mereka juga kurang melibatkan diri dengan program-program peningkatan akademik yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Tahap keyakinan yang rendah dalam kalangan ibu bapa mempengaruhi ketahanan remaja daripada tidak meneruskan alam persekolahan Ganesen (2013) & Linda M. Hart (2017).

### **Skop Kajian**

Skop lokasi penyelidikan ini hanya bertumpu kepada keciciran pelajar-pelajar India di daerah Kuala Muda sahaja. Manakala skop kajian pula melihat pada ketahanan diri pelajar India yang dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti sifat individu dan interaksi individu dengan persekitaran sahaja. Skop sampel kajian terbatas kepada lima orang responden yang tercicir di pelbagai lokasi daerah Kuala Muda. Penyelidik menghadkan skop kepada 5 responden sahaja kerana

penyelidikan ini merupakan kualitatif yang menggunakan kaedah temubual secara mendalam dengan para responden.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan reka bentuk kajian kes iaitu satu kes pelajar-pelajar tecicir di daerah Kuala Muda. Kaedah kualitatif dipilih kerana mengkaji ciri-ciri ketahanan pelajar merupakan satu proses yang kompleks yang memerlukan penerangan yang jelas dan menyeluruh (Creswell, 2011). Sampel kajian dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan. Sampel yang dipilih terdiri daripada lima orang pelajar India yang tecicir di sekolah menengah. Bagi membolehkan penyelidik memperoleh data yang mendalam dan terperinci, beberapa kriteria telah ditetapkan dalam membuat pemilihan sampel kajian Puvenesvary et, al (2008). Dalam kajian ini, sampel kajian ditemubual secara mendalam dengan menggunakan soalan temubual separa struktur bagi menjawab persoalan kajian. Responden berada di lokasi yang berlainan tetapi mempunyai ciri-ciri dan sifat yang sama.

### **Hasil Dapatkan Kajian**

#### ***Ciri Daya Ketahanan Diri (Resilience) Pelajar India Yang Tercicir Sekolah***

Pelbagai usaha boleh dan telah diambil untuk mengurangkan masalah keciciran pelajar India di sekolah. Walaupun pelbagai usaha murni dibuat, faktor terakhir yang akan menentukan kejayaan adalah pelajar itu sendiri. Pelajar memainkan peranan penting dalam mengurangkan atau mengelakkan aspek keciciran di sekolah. Pelajar India khususnya perlu mengambil langkah-langkah proaktif untuk melindungi diri dari dipengaruhi dan tecicir dari sekolah. Faktor ketahanan diri dalam pelajar adalah penting untuk mengelakkan situasi keciciran ini. Tetapi, sejauh manakah faktor ketahanan diri mempengaruhi aspek keciciran pelajar India di Daerah Kuala Muda?

Seperti yang dilaporkan dalam sub-topik mengenai keciciran pelajar di atas, pelajar India sememangnya terdedah kepada risiko keciciran disebabkan faktor ketahanan diri yang tercabar. Penyelidikan Brenda McMahon ( 2015) ternyata, daya tahan pelajar boleh diunggukkan secara tidak formal sebagai “keupayaan pelajar tersebut untuk melibatkan diri dalam proses pembelajaran walaupun semua keadaan lain berpotensi menghalang, dan pelajar hanya akan terus ke hadapan, cuba dapatkan tempat yang mereka perlukan tanpa mengambil kira apa-apa halangan dan perkara yang datang, dia tidak berhenti. Ia mungkin sukar dan melambatkan pelajar tersebut tetapi dia perlu terus bergerak ke hadapan.” Faktor ketahanan diri pelajar ini tidak mudah seperti yang disebut kerana ia melibatkan pelbagai faktor yang tidak menentu yang sepatutnya menolong untuk mengurangkan risiko, tetapi akhirnya menjadi pendorong kepada keciciran pelajar.

Faktor ketahanan diri sebagai pengaruh aspek keciciran pelajar India di Daerah Kuala Muda boleh dikaji dengan meneliti pengaruh komponen- komponen faktor ketahanan diri dalam pelajar tersebut. Mengikut penyelidikan Irmohizam dan Hussin (2016) dan Masten,e.l( 2002), daya tahan pelajar India boleh dipecahkan kepada lima komponen kecil untuk dianalisa. Komponen- komponen daya ketahanan diri yang dinyatakan oleh Irmohizam dan Hussin (2016) dalam artikel mereka seperti berikut:

#### ***Keyakinan Diri***

Daya tahan Masten,e.l ( 2002) dari segi keyakinan diri boleh dilihat dari dua aspek berbeza. Aspek pertama adalah keyakinan kepada kebolehan diri (*‘self- confidence’*) untuk bertahan (Irmohizam, 2016). Ia boleh dipecahkan kepada dua lagi pandangan. Pandangan pertama

adalah, situasi dalam keluarga. Seperti yang sedia maklum, kadar keciciran pelajar India dari sekolah besar kemungkinan berlaku disebabkan oleh faktor keluarga yang miskin dan ibu bapa yang tidak berpelajaran (YSS, 2002 dan Ganesen, 2013). Apabila pelajar menghadapi situasi ini, pelajar mempunyai pilihan untuk berputus asa ataupun untuk melakukan sesuatu untuk mengubah situasi. Keyakinan kepada kebolehan diri untuk mengubah situasi adalah faktor penting yang boleh mempengaruhi kadar keciciran di sekolah. Apabila pelajar mempunyai keyakinan pada diri sendiri yang dia boleh belajar walaupun keluarga dia miskin dan ibu bapa tidak berpelajaran, dia akan mencari iktihar untuk menimba ilmu walau apa cara sekalipun. Pandangan kedua adalah kepada situasi di sekolah. Apabila pelajar tersebut mempunyai daya ketahanan dari segi keyakinan diri, walaupun pengaruh rakan adalah tinggi untuk memesongkan perhatian daripada pelajaran, dia akan mempunyai keyakinan diri yang dia tidak akan menjadi mangsa ejekan dan dorongan negatif dari rakan sebaya. Daya tahan bermula dari input yang diberikan kepada minda untuk membuat keputusan; keputusan itu akan menjadi tindakan. Apabila pelajar mempunyai keyakinan diri untuk bertahan, dia secara tidak langsung menidakkannya segala keputusan dan tindakan yang negatif, dalam konteks ini peluang tercicir dari persekolahan.

Aspek kedua adalah keyakinan kepada diri sendiri ('*self-esteem*'). Apabila keyakinan kepada diri sendiri kurang, kecenderungan untuk berkompromi dan mengikuti pandangan dan nasihat orang lain secara membuta tuli adalah tinggi. Perasaan yang dirinya serba kekurangan akan membuka pintu kepada pengenalan tabiat- tabiat yang tidak sihat dan akhirnya membawa kepada keciciran dari sekolah. Keciciran pelajar India di Daerah Kuala Muda amat dipengaruhi oleh aspek daya ketahanan diri dari segi keyakinan diri. Keyakinan kepada kebolehan diri dan keyakinan kepada diri sendiri yang rendah di antara pelajar- pelajar India ini perlu diatasi untuk mengurangkan kadar keciciran ini.

### ***Disiplin Diri***

Daya ketahanan pelajar dari segi disiplin diri merangkumi pelbagai aspek Masten, e.l ( 2002). Disiplin diri ('*self-discipline*') mestilah dari minda, kelakuan, emosi, pertuturan dan tingkah laku. Apabila seseorang pelajar mempunyai disiplin diri, dia akan mempunyai strategi dan pelan tindakan untuk memastikan fokusnya tidak lari. Strategi dan pelan tersebut perlu dilakukan dengan sistematis. Contohnya, sekiranya ingin menguasai pelajaran Bahasa Melayu, pelajar itu perlu bersedia dan yakin dalam diri, membetulkan emosi walaupun gagal kali pertama, dan mula membuat latihan yang sepatutnya tanpa berputus asa. Sememangnya berdisiplin dan fokus dalam sesuatu kerja walaupun gagal berkali-kali adalah sukar, tetapi apabila perkara tersebut didekati dengan pendekatan yang betul, tidak ada perkara yang mustahil untuk dikuasai. Pelajar hanya perlukan daya ketahanan dari segi disiplin diri. Locke (1968) dalam artikelnya berkata bahawa usaha yang diperbetulkan mengikut kesukaran matlamat, apabila diberikan komitmen yang tinggi berserta tempoh masa penguasaan, akan berikan hasil bermutu tinggi jika dibandingkan dengan seseorang yang tidak mempunyai disiplin. Pelajar perlu belajar mendisiplinkan diri sendiri untuk menamatkan persekolahan dengan keputusan yang terbaik Goldstein, S., & Brooks, R. B. (Eds.). (2013). Apabila pelajar India ini mempunyai ketahanan diri dari segi disiplin diri, sememangnya peratusan keciciran pelajar dari persekolahan dapat dikurangkan.

### ***Kemampuan Diri***

Satu lagi komponen ketahanan diri adalah ketahanan diri dari segi kemampuan diri. Menurut hujah Couto (2000), ketahanan diri secara kemampuan diri ('*self-ability*') ini adalah penting kepada sesuatu organisasi, dalam konteks ini, pelajar untuk berkemampuan bertindak pantas apabila berlakunya situasi- situasi tidak dijangka dan berkemampuan untuk menyesuaikan diri

dengan cepat kepada perubahan dalam keadaan. Dalam pelajar, ketahanan dari segi kemampuan diri perlu menyerlah apabila perubahan dalam situasi di sekolah di mana pelajar menghadapi kesukaran untuk bersaing dengan pelajar lain. Pelajar perlu segera mencari jalan dan mempunyai ketangkasian untuk menjangka dan bertindak untuk menyesuaikan diri. Kemampuan diri untuk menghadapi tekanan dari semua arah perlu diterapkan dalam sanubari pelajar tersebut. Pelajar perlu bertahan dari segi moral, emosi, fizikal dan mental. Pelajar juga perlu berkemampuan untuk memotivasi diri sendiri dari semua situasi negatif, mahupun dari rakan-rakan, keluarga ataupun dari faktor-faktor lain Asp, Kanthan (2018). Pelajar India khususnya, menghadapi masalah ini dan ketahanan dari segi kemampuan diri mereka sering dicabar oleh dorongan-dorongan yang tidak sihat sehingga menyebabkan keciciran dari sekolah. Sememangnya, kemampuan diri yang lemah mempengaruhi daya ketahanan pelajar tersebut. Keye, M. dan Pidgeon, A. (2013)

### ***Kawalan Diri***

Kawalan diri ('*self-control*') merupakan komponen ketahanan diri Masten, e.l (2002). Walaupun kawalan diri dan disiplin diri seakan mempunyai makna yang sama, ia boleh dilihat dari konteks yang berlainan dalam ketahanan diri. Ketahanan dari segi disiplin diri meliputi konteks bertindak secara sistematis dan berstruktur untuk mencapai sesuatu matlamat, manakala ketahanan diri dari segi kawalan diri berkontekstan dominasi dalam diri sendiri untuk tidak bersikap negatif dan tidak mengikuti dorongan yang tidak betul Saralah (2013). Pelajar-pelajar secara amnya, perlu mempunyai kawalan diri untuk tidak terjebak kepada budaya tidak sihat dan berupaya untuk berfikir serta dapatkan nasihat yang waras dari pihak yang sepatutnya. Benard (1992) mengungkapkan ketahanan diri dari segi kawalan diri sebagai mempunyai kecekapan sosial dan berautonomi untuk mengelakkan keputusan tidak waras dalam pertimbangan. Mempunyai ketahanan diri dengan kawalan diri yang lemah menyebabkan pelajar-pelajar India kerap membuat keputusan mengikut emosi dan populariti yang secara langsung, menyebabkan mereka kehilangan kawalan diri mereka kepada pengaruh negatif dalam hidup mereka Zakiyah (2010) Richardson (2002). Kehilangan kawalan diri ini mempengaruhi keciciran pelajar di sekolah. Keciciran pelajar India dari persekolahan boleh dielak sekiranya daya ketahanan pelajar dari segi kawalan diri dapat dipertingkatkan.

### ***Tekad Diri***

Komponen terakhir daya ketahanan diri adalah tekad diri ('*self-determination*'). Tekad diri bermaksud pilihan bebas tindakan atau penilaian sendiri tanpa paksaan luar Masten, e.l (2002). Lebih banyak latihan yang dilalui oleh seseorang dalam membina dan memperkuatkan kemahiran tekad diri, besar kemungkinan untuk mereka membuat keputusan yang lebih baik daripada rakan-rakan mereka yang lain. Peluang untuk mengamalkan kemahiran yang menyokong tekad diri juga memberikan kebebasan yang lebih serta advokasi diri. Pengaruh rakan sebaya tidak dapat mempengaruhi pelajar berkenaan kerana rakan-rakannya tahu akan tahap tekad dirinya dan percubaan untuk mempengaruhinya ke jalan yang salah akan menemui kegagalan. Masten (1994) dalam artikelnya berkata bahawa untuk mempunyai daya tahan tekad diri, pertamanya, pelajar tersebut perlu tahu kepentingan tekad diri dalam mereka. Ini kerana dari masa ke semasa, supaya merentasi rintangan dan cabaran yang lebih mencabar di masa hadapan, pelajar tersebut perlu mempunyai pemikiran yang futuristik dan tahap tekad diri yang tinggi. Proses yang dilalui oleh pelajar tersebut akan mengajar mereka untuk berdepan dengan kesukaran dan ancaman yang akan menjadikan mereka lebih berdaya tahan tanpa berputus asa sehingga mengcapai kejayaan yang diimpikan Richardson (2002). Situasi ini juga boleh diaplikasikan dalam kehidupan pelajar India di Daerah Kuala Muda. Apabila mereka mempunyai daya tahan dari segi tekad diri, mereka akan mempunyai keyakinan diri untuk maju

ke hadapan tanpa dipengaruhi untuk memesong dari jalan yang betul. Apabila tekad diri tinggi, peluang keciciran akan berkurangan.

### ***Faktor Ketahanan Diri Mempengaruhi Aspek Keciciran Pelajar India Di Daerah Kuala Muda***

Ciri-ciri ketahanan diri pelajar India dikaji dari lima aspek utama iaitu keyakinan diri, disiplin diri, kemampuan diri, kawalan diri dan tekad diri. Rata-ratanya kesemua responden dipengaruhi oleh ciri-ciri ketahanan diri yang rendah menyebabkan mereka tercicir sekolah. Walau bagaimanapun ciri-ciri ketahanan diri kebanyakannya responden didapati berada pada tahap yang bukan kritikal dan masih mempunyai peluang untuk dipulihkan sekiranya mereka diberi petunjuk yang betul bagi memajukan diri agar mereka tidak terus terpinggir dari arus pembangunan. Dapatkan kajian ini juga telah membuktikan bahawa faktor pelindung seperti keluarga yang tidak berfungsi dengan baik, faktor sosioekonomi yang rendah dan faktor persekitaran yang kurang memuaskan merupakan penyumbang yang melemahkan ketahanan diri kelima-lima responden terhadap pencapaian akademiknya.

Hasil kajian ini dapat mengukuhkan lagi Model Ketahanan Diri Masten & Reed (2002). Berdasarkan model ini, pelajar yang tidak mendapat sokongan faktor pelindung cenderung untuk mempunyai ketahanan diri yang lemah kerana faktor-faktor ini tidak melindungi pelajar daripada kesan faktor-faktor risiko (Werner, 2000). Selain itu, menurut A.Yahaya, Latif, Shahrin Hashim, dan Yusof Boon (2006) faktor persekitaran memberi pengaruh besar dalam kehidupan murid. Para pengkaji telah mengatakan bahawa keluarga, sekolah dan masyarakat yang tidak berfungsi dengan baik akan melemahkan ketahanan diri pelajar dan seterusnya menjelaskan pencapaian akademik mereka. Ini dibuktikan dalam Brendtro & Longhurst (2005), institusi keluarga dan sekolah yang tidak membantu pelajar dalam proses menangani ancaman menyebabkan mereka terus tercicir dari alam persekolahan.

Walau bagaimanapun dapatan kajian ini bertentangan daripada temu bual dengan responden-responden daripada latar belakang keluarga yang bermasalah kerana persekitaran kehidupan yang kurang selesa tidak semestinya mempunyai ketahanan diri yang lemah yang menyebabkan mereka ketinggalan dalam pencapaian akademik. Ia selari dengan kajian yang dijalankan oleh Noor Sa'adah (1999) menyokong dapatan kajian ini di mana pelajar yang datang daripada keluarga yang porak peranda tetapi masih mampu untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dalam pelajaran kerana pencapaian akademik sebahagian besar responden lebih bergantung kepada usaha dan kemauan diri di mana kepercayaan terhadap diri sendiri adalah lebih kuat daripada pengaruh keluarga dan pesekitaran turut ternyata dalam penyelidikan Ganesen, (2013) & Ed Gillis, (2014)

Hasil temu bual dengan kesemua responden mendapati mereka masih menaruh harapan dapat memperbaiki kehidupan walaupun hidup dalam kesusahan dan serba kekurangan. Kehidupan lampau yang berisiko telah menghancurkan peluang untuk meneruskan persekolahan kerana kekurangan ketahanan diri bagi menghadapi masalah tersebut. Namun aspek ketahanan diri bukanlah bersifat kekal dan boleh berubah dalam sesuatu tempoh masa ekoran pengaruh daripada pelbagai bentuk interaksi dengan persekitaran. Ia disokong daripada kajian Shahabuddin et al. (2003), setiap individu akan menempuh pelbagai bentuk interaksi dengan persekitaran. Hasil daripada interaksi itu akan membentuk sikap kendiri setiap individu. Selain itu, konsep kendiri juga terbentuk apabila seseorang mengambil nilai-nilai orang lain menjadi nilai dirinya dan akan mengikut nilai yang dipegangnya. Apabila seseorang mempunyai konsep kendiri yang positif pastinya dia mempunyai ketahanan diri yang tinggi dan seterusnya akan berusaha untuk memajukan diri ke hadapan.

Walaupun secara keseluruhannya penyelidikan ini mendapati majoriti responden masih mempunyai ketahanan diri, namun terdapat beberapa aspek yang perlu diberi perhatian. Ini kerana penyelidikan ini mendapati semua responden yang ditemui bual mengakui bahawa mereka jarang mempersoalkan tujuan tentang sesuatu perkara berlaku. Keadaan ini menggambarkan mereka menyerah diri pada keadaan yang menimpa mereka dan mengikut sahaja sesuatu perkara yang berlaku tanpa memperoleh dan mendapatkan maklumat menyeluruh. Mereka tidak berupaya untuk menangani keadaan tersebut dan mendedahkan diri terhadap perkara yang berisiko tinggi sehingga terjebak dengan aktiviti yang tidak sihat yang menjelaskan masa hadapan mereka. Penyelidikan ini juga mendapati, kesemua responden mengakui bahawa mereka memaksa diri untuk berhenti sekolah kerana terbatas dengan corak kehidupan yang berisiko yang mempengaruhi pencapaian akademik dan terikat dengan penetapan peraturan dan gaya hidup keluarga.

### ***Strategi-Strategi Untuk Memperkasa Ketahanan Diri Pelajar India di Daerah Kuala Muda***

Kajian Abdul Rahim (2006), membuktikan golongan pelajar remaja berkemampuan untuk menyesuaikan diri dengan faktor persekitaran keluarga, persekitaran sosial dan budaya untuk meningkatkan aspek ketahanan diri pelajar. Oleh itu penyelidik mencadangkan beberapa langkah untuk memperkasa ketahanan diri pelajar India melalui hasil temubual dengan responden kajian.

Antaranya ialah responden A memberi keutamaan terhadap matlamat hidup walaupun terlibat dengan pelbagai cabaran hidup yang melemahkan ketahanan diri ketika usia remaja. Ia merujuk kepada matlamat, visi dan perancangan untuk masa depannya. Matlamat hidup dan aspirasi yang ada pada diri seseorang memberi harapan serta jangkaan yang tinggi terhadap kehidupannya. Ia merupakan motivasi dalaman yang mampu membimbang ke arah pembangunan insan dan menentukan jangkaan positif dalam diri pelajar bagi kehidupan akan datang. Penyelidik berpendapat bagi mencapai matlamat hidup, responden mampu berfikir dengan lebih matang untuk mencapai matlamat yang diinginkan. Penyataan ini selari dengan kajian Arieff dan Wardah (2006) yang menjelaskan bahawa dalam mencapai matlamat, seseorang suka mencuba perkara-perkara baharu dan terus mencuba bagi mencari pengalaman baharu walaupun mereka terpaksa mengalami kegagalan dan kesukaran.

Selain itu, individu yang memiliki ketabahan yang kuat sering dikaitkan dengan daya ketahanan yang tinggi. Menurut Wagnild & Young (2009) ketabahan bermaksud ketekadan individu menempuh kesusaahan, halangan dan kesedihan dengan penuh bersabar. Manakala seseorang yang tidak memiliki daya tahan atau kurang sikap tabah sering menjadi punca utama kegagalan individu. Dalam kajian ini responden B telah mengharungi hidup yang sukar selepas bapanya meninggalkan keluarga dan meneruskan kehidupan persekolahan seperti biasa. Responden terpaksa membantu ibunya mencari pendapatan bagi meringankan beban keluarga. Keazaman dan disiplin diri yang tinggi untuk maju dalam hidupnya mendorong untuk mencari peluang pendidikan walaupun menghadapi konflik keluarga. Oleh itu, sifat ketabahan yang tinggi telah mendorong responden mengatasi segala keperitan hidup. Goldstein, S., & Brooks, R. B. (2013)

Di samping itu, masalah ketahanan pelajar India dapat diatasi sekiranya individu mempunyai sifat redha dalam menghadapi apa jua cabaran hidup dengan sikap yang terbuka. Individu ini mampu mengharungi masalah tanpa kerisauan yang tinggi dan tidak akan memikirkan sebarang masalah yang di luar kemampuannya untuk diselesaikan sendiri. Walaupun kita tidak dapat

mencapai apa yang dihajati, jika ada perasaan syukur, kita pasti yakin akan bahagia dan puas hati dengan kehidupan yang dilaluinya. Situasi ini memberi dorongan kepada ketahanan diri yang tinggi untuk mengatasi kelemahan peribadi dan tekanan persekitaran walaupun dalam keadaan tertekan. Apabila disoal berkaitan dengan tindakan yang dambil oleh responden D apabila berhadapan dengan suasana keluarga yang huru-hara, responden A memberikan jawapan yang membuktikan beliau adalah seorang yang mempunyai ketahanan diri yang tinggi kerana masih mampu menumpukan perhatian dalam situasi keluarga yang tertekan. Selain itu, responden juga mempunyai keyakinan terhadap Yang Maha Kuasa membuatkan beliau redha dengan ujianNya walaupun sering diuji. Ini disokong daripada kajian Lambert et al (2009) yang menyatakan individu yang mempunyai sifat keredhaan dan kesyukuran yang tinggi akan melihat dunia dengan pandangan bahawa semua perkara adalah lebih baik daripada apa yang terzahir.

Selain itu masalah ketahanan diri pelajar boleh ditingkatkan sekiranya pelajar mempunyai kemampuan untuk hidup berdikari tanpa mengharapkan pertolongan sesiapa dalam melakukan sesuatu perkara. Sikap berdikari ini dapat membentuk keseimbangan sikap dari segi fizikal maupun mental. Dalam situasi ini kita juga sentiasa bersikap sedia bagi menghadapi sebarang risiko dan menangani masalah dengan sebaik mungkin. Sifat berdikari menyebabkan kita tidak teragak-agak untuk membuat pilihan. Ini kerana kita yakin terhadap kemampuan kita sendiri dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Sikap ini juga akan menjadikan kita seorang kreatif serta berupaya menghasilkan kerja yang berkualiti. Selain itu, kita juga akan sentiasa berfikir untuk menaik taraf hidup dan berusaha memperbaiki diri sendiri. Kesimpulannya sikap berdikari yang ada pada responden dapat memantapkan diri serta menyediakan kekuatan diri dalam menghadapi cabaran hidup.

Akhir sekali orang yang sentiasa bersedia dengan kekuatan mental dan emosi mempunyai sifat kesabaran yang tinggi dan tidak mudah kecewa dan mengalah. Mereka menyedari bahawa jalan menuju kejayaan itu bukanlah mudah, sebaliknya berliku-liku dan penuh cabaran, kerana harga sesuatu kejayaan itu sangat mahal. Sebaliknya mereka sentiasa menerima segala dugaan, cubaan dan halangan sebagai satu pengorbanan sebelum berjaya menggapai kejayaan. Mereka juga sentiasa sentiasa cekal, kebal dan berdaya tahan emosi untuk menempuh segala kemungkinan, terutama terhadap sesuatu yang berlaku di luar jangkaan dan sasaran mereka. Iaitu sentiasa memberikan respons positif biarpun berhadapan dengan situasi dan peristiwa negatif. Mereka tidak lemah semangat apabila berhadapan dengan masalah, bahkan masalah dianggap sebagai cabaran yang perlu dihadapi dengan tabah. Apabila berhadapan dengan masalah, mereka tidak fikirkan masalah sebagai halangan, tetapi mereka fikirkan jalan untuk keluar daripada masalah tersebut. Maknanya masalah bukan batu halangan, tetapi sebagai batu loncatan atau peluang untuk berjaya.

## Kesimpulan

Kajian ini membincangkan secara menyeluruh faktor-faktor yang dikaitkan dengan keciran pelajar India di Malaysia. Objektif penyelidikan ini tercapai dengan menyorotkan ciri-ciri ketahanan pelajar-pelajar India India dan pengaruh faktor ketahanan diri dalam aspek keciran pelajar India. Berdasarkan hujah-hujah yang diberikan, jelas bahawa aspek ketahanan diri memainkan peranan penting dalam mempengaruhi keciran pelajar India di Malaysia.

## Rujukan

Abd. Rahim Abd. Rashid Krisis (2006) & konflik institusi keluarga Published in Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Arieff Salleh Rosman dan Wardah Mokhtar (2006). Membentuk Jati Diri Remaja. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd <http://library.oum.edu.my/oumlib/node/587394>
- Azizi Yahaya, Jaafar Sidek Latif, Shahrin Hashim dan Yusof Boon, (2006). *Psikologi Sosial: Alam Remaja*. Bentong, Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Azlina Abu Bakar, Shahrir Jamaludin & Ghazali Darusalam (2010). Resiliency among secondary school students in Malaysia: assessment of the measurement model. *The International Journal of Educational and Psychological Assessment*, 4, 68- 76
- Benard, B. (1992). Peer programs: A major strategy for fostering esiliency in kids. *The Peer Facilitator Quarterly*, 9, 3.
- Brenda McMahon (2015) *Seeing Strengths in a Rural School: Educators' Conceptions of Individual and Environmental, Resilience Factors*. Journal for Critical Education Policy Studies, v13 n1 p238-267 Jun 2015. Institute for Education Policy Studies. University of Northampton, School of Education, Boughton Green Road, Northampton, NN2
- Brendtro, L. K., & Longhurst, J. E. (2005). The resilient brain. *Reclaiming Children and Youth*, 14(1), 52–60. International Journal of Educational Reform - 2008 School Psychology Master of Science Degree, The Graduate School University of Wisconsin-S tout August 2006
- Creswell J. W. (2011). *Educational research: planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Edinburgh Gate: Pearson Education Limited.
- Coutu, D. 2000. How resilience works. *Harvard Business Review* 80(5): 46-51.
- Cox, Simon .2011. BBC News .2011., UK
- Education Minister wants media to focus on ‘positive vibes’. 2018. The Star Online. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/11/29/education-minister-wants-media-to-focus-on-positive-vibes/>.
- Ganesen (2013) *Pengaruh keluarga terhadap pencapaian akademik murid India di sekolah menengah rendah*. Tesis PhD. University of Malaya.
- Glasgow, J. (1996). Motivating Young readers using CD-ROM storybooks. *Learning and Leading with Technology*, 24(4), 17-22. Journal by Glasgow, Jacqueline N., Institute of Education Sciences, Learning & Leading with Technology, v24 n3 p20-23 Nov 1996
- Goldstein, S., & Brooks, R. B. (Eds.). (2013). Why study resilience? In S. Goldstein & R. B. Brooks (Eds.), *Handbook of resilience in children* (pp. 3-14). New York, NY, US: Springer Science + Business Media.<http://dx.doi.org/10.1007/978-1-4614-3661-4>
- Gunasekaran, K. (2003). *Pengaruh keluarga terhadap pencapaian akademik di kalangan pelajar India di Tampin*. Kertas Projek. Universiti Malaya.
- Habibah Elias et al. 2008. Psychological Profile of At-Risk Students in Malaysia Serdang. UPM  
<https://www..mitra.gov.my/>  
<http://www.ideas.org.my/>  
<https://www.utusan.com.my/pendidikan/dekati-murid-tercincir-1.70048>
- Irmohizam I. & Muhammad H. 2016. Tahap Daya Tahan dalam Pelajar IPTA di Malaysia dan di Luar Negara. *Jurnal Personalia Pelajar*. 19(1): 75-85.
- Jamie, M. B. (2011). *Psychological Factors Associated with Bullying Typologies in a Mental Health Population of Adolescents*. Philadelphia College of Osteopathic Medicine Dissertation, Bolton.
- Kamarul Azman, Khamis (2016) *Penglibatan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dalam pembangunan pendidikan dan keusahawanan Negeri Kedah 2005-2014: Kajian kes di Daerah Padang Terap, Kedah*. Tesis PhD. Universiti Utara Malaysia.

- Kanthan (2018) *Faktor-faktor yang mempengaruhi kemerosotan disiplin pelajar sekolah menengah di Negeri Kedah*, Tesis Sarjana Universiti Utara Malaysia.
- Kementerian Belia dan Sukan. (2015). Dasar Belia Malaysia. Malaysia: KBS
- Keye, M. and Pidgeon, A. (2013) Investigation of the Relationship between Resilience, Mindfulness, and Academic Self-Efficacy. *Open Journal of Social Sciences*, 1, 1-4. doi: 10.4236/jss.2013.16001.
- Lambert, N.M., Fincham, F.D., Stillman, T.F. & Dean, L.R. 2009. More gratitude, less materialism: The mediating role of life satisfaction. *The Journal of Positive Psychology* 4(1): 32-42.
- Linda M. Hart. (2017). *Factors contributing to academic resilience of former homeless high school students: A phenomenological study*. A Dissertation presented to the Faculty of the Department of Counselor Education, Sam Houston State University, Huntsville, Texas. In partial fulfillment of the requirements for the Degree of Doctor of Philosophy (Counselor Education), May 2017.
- Locke, E. A. 1968. Towards a Theory of task motivation and incentives Organizational Behavior and Human Performance 3: 157-189. American Journal of Educational Research. Washington, DCI.
- Malaysia National Education for All Review Report: End of Decade Review. 2014. United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization.
- Masten, A. 1994. Resilience in individual development: Successful adaptation despite risk and adversity. Dlm: Wang MC, Gordon EW, editors. Educational resilience in inner city America: Challenges and prospects (pp. 3-25). Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Masten, A. 2001. Ordinary magic: Resilience processes in development. *Journal American Psychologist* 56(3): 227-238., Published in The American psychologist 2001
- Masten, A. & Reed, M. 2002. Resilience in development. In C.R. Synder and S.J. Lopez (eds), *Handbook of Positive Psychology*. NY: Oxford University Press.
- Marimuthu, T. (1975). The influence of home background on the education carriers and aspirations of Tamil youth in Peninsular Malaysia. Unpublished PhD dissertation. Manchester University
- Noor Sa'adah Royani. (1999). Hubungan di antara Konsep Kendiri dengan Pencapaian Akademik. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda
- Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia. (2017). Malaysian Indian Blueprint.
- Richardson, G. (2002) The metatheory of resilience and resiliency. *Journal of Clinical Psychology*, Wiley Periodicals Vol. 58(3), 307–321 (2002) Glenn E. Richardson University of Utah
- Rosly Abas. (2014). *Impak kelompok devian terhadap tingkah laku juvana: Kajian kes di Bandaraya Georgetown, Pulau Pinang*. Mengemukakan tesis sebagai memenuhi syarat pengijazahan Sarjana Sastera (Kerja Sosial) dari Universiti Utara Malaysia, 2014.
- Rozmi Ismail. (2015). Buli di Sekolah: Igauan atau Realiti? Bicara Persada Canselori: anjuran Fakulti SainsSosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi.
- Puvenesvary, M., Radziah Abdul Rahim, R. Sivabala Naidu, Mastura Badzis, Noor Fadhilah Mat Nayan, & Noor Hashima Abdul Aziz. (2008). *Qualitative research: Data collection & data analysis techniques* (1st eds.). Sintok: Universiti Utara Malaysia Press
- Saralah Devi Mariamdaran (2013) *Kesan Intervensi Psiko-Positif Terhadap Tingkah Laku Agresif, Kemurungan Dan Kecenderungan Berubah Penghuni Muda Penjara*. PhD. thesis, Universiti Utara Malaysia.
- Shahabuddin Hashim dan Rohizani Yaakub. (2002). Teori Personaliti dari Perspektif Islam, Timur dan Barat. Pahang: PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd

Suriya Kumar (2012) Tahap Keciciran dalam pendidikan kaum India di Cameron Highland, Pahang. Tesis Sarjana Muda Universiti Utara Malaysia.

The Malaysian Indian Community. 2019. Pertubuhan Science and Wellness, Malaysia.

Useem, E. (1992). Middle schools and math groups: parents' involvement in children's placement. *Sociology of Education*, 65: 263-279. Author(s): Elizabeth L. Useem, Published by: American Sociological Association .Stable URL: <https://www.jstor.org/stable/2112770>

Wagnild & Young (2009) From the School of Nursing, University of Washington Development and Psychometric Evaluation of the Resilience Scale Gail M. Wagnild, PhD, RN Heather M. Young, PhD, RN Journal of Nursing Measurement, Vol. 1, No.2, 1993 © 1993 Springer Publishing Company

Wan Hassan Wan Embong, Siti Norlina Muhamad, Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan (2004) Kesedaran terhadap peranan bapa kepada anggota keluarga mempengaruhi gejala keruntuhan akhlak remaja, Universiti Malaya. Publisher Universiti Teknologi Malaysia

Werner EE. Resilient children. *Young Children*. (2000) 1:68–72. Publication Type: Journal Articles; Reports -By Research Emmy E. Werner, Ph.D, Professor of Human Development and Research Child Psychologist, University of California at Davis, California.

YSS (2002) *Kajian Kelaziman Gejala Sosial Di Kalangan Masyarakat India di Malaysia, Yayasan Strategik Sosial*. Author Yayasan Strategik Sosial (Malaysia), Publisher: Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Malaysia.; Kuala Lumpur)

Zainah Ahmad Zamani, Rohany Nasir, Asmawati Desa, Rozainee Khairudin, Fatimah Yussoff, Siti Hajar Mohamad Yusoff. (2013). Kefungsian keluarga, pengherotan kognitif dan resilien dalam kalangan klien Cure and Care Rehabilitation Centre (CCRC) dan Klinik Cure and Care (C&C). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 27: 137-149.

Zakiyah Jamaluddin. (2010). *Hubungan Reruang Terhadap Permasalahan Sosial Remaja : Kajian Kes Di Flat Sri Sentosa*, Kuala Lumpur.

Zakiyah Jamaluddin. (2011). Kemiskinan dan keciciran dalam pendidikan. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, 37, 5-20.